

ASAL USUL NAMA TEMPAT DI DAERAH SIK, KEDAH

(THE ORIGIN OF PLACE NAMES IN THE DISTRICT OF SIK, KEDAH)

RAMBELY, N. A. S.¹ – HAMID, Z. K. A.^{1*}

¹ *Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: kartini[at]uum.edu.my*

(Received 01st May 2026; revised 20th May 2026; accepted 28th May 2026)

Abstrak. Sejarah tempatan merujuk kepada kajian sejarah sesebuah daerah, mukim atau kampung di Malaysia. Walaupun terdapat beberapa penulisan tentang kawasan tertentu seperti Kuala Lumpur, Klang, Tanjung Malim, Kampung Baru, Sabak Bernam, Muar dan Batu Pahat, jumlah kajian sejarah tempatan masih kecil berbanding bilangan keseluruhan daerah, bandar, mukim dan kampung di negara ini. Oleh itu, masih banyak kawasan tempatan yang perlu dikaji dan didokumentasikan. Kajian ini menumpukan kepada daerah Sik, Kedah, iaitu daerah terbesar di negeri Kedah dengan keluasan 1,635 kilometer persegi atau 17.35 peratus daripada keluasan negeri tersebut. Kajian ini merupakan kajian awal tentang asal-usul nama daerah Sik dan beberapa kampung terpilih berdasarkan cerita lisan penduduk setempat. Sejarah lisan digunakan sebagai kaedah utama kerana ia berperanan penting dalam merakam pengalaman, peristiwa dan maklumat masa lalu yang masih tersimpan dalam ingatan individu. Kaedah pengumpulan data melibatkan temu bual dengan 10 orang responden serta penelitian terhadap sumber bertulis berkaitan sejarah kampung-kampung terpilih di Sik. Proses penyelidikan meliputi tiga tahap utama, iaitu pengumpulan data, pengklasifikasian maklumat mengikut kampung, dan penganalisan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa nama-nama tempat yang dikaji masih digunakan hingga kini dan mempunyai kaitan rapat dengan latar geografi Sik yang kaya dengan hutan, aktiviti masyarakat setempat, serta corak kehidupan kampung. Kajian ini juga mendapati bahawa asal-usul nama tempat mencerminkan hubungan antara manusia, alam sekitar dan sejarah sosial masyarakat setempat. Kajian ini wajar diperluaskan ke seluruh daerah Sik kerana masih banyak tempat yang belum dikaji asal-usul namanya. Usaha mendokumentasikan sumber lisan amat penting kerana dokumen sejarah boleh kekal, tetapi individu yang menyimpan memori sejarah tidak akan kekal selama-lamanya.

Katakunci: *daerah Sik, asal usul-usul nama tempat, sejarah lisan, Kedah*

Abstract. Local history refers to the history of a particular district, sub-district, or village in a country. Although several studies have been written on places such as Kuala Lumpur, Klang, Tanjung Malim, Kampung Baru, Sabak Bernam, Muar, and Batu Pahat, the number of local history studies remains relatively small compared with the total number of districts, towns, sub-districts, and villages in Malaysia. Therefore, many areas of local history still need to be studied and documented. This study focuses on Sik District in Kedah, the largest district in the state, covering 1,635 square kilometres, or 17.35 per cent of Kedah's total area. It is a preliminary study of the origins of the name Sik and selected village names in the district, based mainly on oral accounts from local residents. Oral history is used as an important method because it helps record past experiences, events, and information that remain preserved in individual memory. Data were collected through interviews with 10 respondents and through a review of written sources related to the history of selected villages in Sik. The research process involved three main stages: data collection, classification of information according to the selected villages, and data analysis. The findings show that the selected place names studied are still used today and are closely related to Sik's geographical background, which is marked by extensive forested areas, the activities of the local community, and the pattern of village life. The origins of these place names reflect the relationship between people, the natural environment, and the social history of the local community. This study should be expanded to cover more places throughout Sik District, as many place names in the area have yet to be examined. Documenting oral sources is important because historical documents may remain permanently, but the individuals who experienced and remember historical events will not remain forever.

Keywords: *Sik district, origins of place names, oral history, Kedah*

Pengenalan


Asal usul di sebalik nama-nama tempat atau nama kampung yang diberi kadangkala boleh menggambarkan sifat-sifat persekitaran asal yang kini mungkin telah berubah akibat arus kemodenan. Nama itu juga boleh memberi gambaran tentang warisan budaya, aktiviti ekonomi dan identiti masyarakat terdahulu serta mempunyai konteks sejarah yang harus dipelihara. Nama sesuatu tempat atau nama kampung diberikan adalah satu topik kajian yang sangat menarik untuk dikaji. Ia boleh dijadikan sebagai satu kaedah dalam mempelajari sejarah dan peristiwa silam yang telah berlalu dan memberi sedikit gambaran tentang perihal kehidupan dan geografi asal setempat terdahulu. Ringkasnya, budaya masyarakat Melayu dahulu menamakan sesuatu tempat berdasarkan nama tumbuh-tumbuhan, haiwan, objek, peristiwa dan nama seseorang tokoh. Masyarakat dahulu sinonim dengan alam dan persekitaran. Alam bersatu dalam kehidupan dan menjadi objek yang dekat dengan masyarakat. Pengetahuan tentang sejarah asal usul sesuatu tempat ini sebenarnya menggambarkan perkaitan pergantungan kehidupan masyarakat kampung dengan alam dan persekitaran. Sekaligus dapat memberi didikan kepada masyarakat kini tentang keperluan kepentingan penjagaan alam dan persekitaran. Kelestarian persekitaran adalah tunjang kepada status kualiti hidup masyarakat. Masyarakat memerlukan alam sekitar untuk memenuhi segala keperluan dan kehendak mereka bagi kelangsungan kehidupan manakala alam sekitar bergantung kepada masyarakat untuk menjamin kelestariannya. Di samping itu, pengetahuan sejarah asal-usul nama tempat/kampung ini juga dapat membentuk jati diri masyarakat di tempat tersebut dan menguatkan rasa cinta kepada tanah tempat kelahiran terutamanya bagi generasi muda.

Daerah Sik

Suatu ketika dahulu, Sik merupakan daerah hutan rimba, penuh dengan hutan tropika khatulistiwa. Ia menjadi tempat hidupan liar dan binatang buas. Kawasan perlembahan Sik pada ketika sebelum perang dunia dan pendudukan Jepun, jarang-jarang didiami oleh manusia, tetapi mereka cuma terdiri daripada kumpulan minoriti yang lebih merupakan *peasant society*. Alat perhubungan yang utama yang menghubungkan ke daerah lain ialah sungai Sik dengan menggunakan rakit atau perahu, dan jalan darat pula menggunakan gajah. Daerah Sik merupakan satu daerah kedua yang terbesar di negeri Kedah. Daerah Sik terletak di sebelah timur negeri Kedah, bersempadanan dengan negara Thailand di bahagian timur laut dan utara. Ia juga bersebelahan dengan daerah Baling di selatan, daerah Kuala Muda di barat daya, daerah Pendang di barat dan daerah Padang Terap di barat laut. Keluasan Sik adalah 163,456 hektar atau 1,634.6 km persegi. Terdapat 4 mukim di daerah Sik iaitu mukim Teloi, mukim Sik, mukim Sok dan mukim Jeneri (*Rajah 1 dan Rajah 2*).



Rajah 1. Kedudukan Peta Daerah-Daerah di Negeri Kedah.



Rajah 2. Senarai Daerah-Daerah di Negeri Kedah.

Terdapat lima pekan utama di daerah Sik iaitu pekan Sik, pekan Batu Lima, pekan Kuala Begia, pekan Gulau dan pekan Gubir. Di setiap mukim, terdapat 49 buah kampung di bawah mukim Sik, 41 kampung di bawah mukim Jeneri, 25 kampung di bawah mukim Teloi dan 14 kampung di bawah mukim Sok. Kampung-kampung di daerah Sik ini mempunyai nama-nama yang unik dan tersendiri.

Nama kampung yang terdapat di mukim Sik

Nama-nama kampung adalah: Kampung Sungai Batang, Kampung Kuala Sungai Batang, Kampung Ternas, Kampung Telaga Batu, Kampung Chong, Kampung Paya Terendam, Kampung Durian Burung, Kampung Sik Dalam, Kampung Tua, Kampung

Banggol, Kampung Charok Kit, Kampung Charok Kudong, Kampung Taman Sri Enggang, Kampung Dusun, Kampung Kuala, Kampung Tanjong, Pekan Sik, Kampung Sena, Kampung Simpang Hospital, Kampung Batu Lapan, Kampung Titi Semang, Kampung Kemelong, Kampung Banggol Derdap, Kampung Banggol Kiat, Kampung Sadu, Kampung Namek Tua, Kampung Namek, Kampung Tandop, Kampung Lubuk Bedil, Kampung Tanjung Belit, Kampung Charok Damar/Gua, Kampung Tanjung Setar, Kampung Charok Puyoh, Kampung Lubok Tualang, Kampung Belimbing, Kampung Bendang Tebal, Kampung Jering, Kampung Radek, Kampung Charok Sireh, Kampung Jelutong, Kampung Bendang Man, Kampung Charok Padang Dalam, Kampung Charok Padang (Luar), Kampung Charok Kemuning, Kampung Charok Tok Pong, Kampung Balong Ayam, Kampung Charok Kelian, Kampung Chepir dan Kampung Padang Besar.

Nama kampung yang terdapat di mukim Jeneri


Nama-nama kampung adalah: Kampung Bukit Hangus, Kampung Kura, Kampung Dusun Pengapit, Kampung Gajah Puteh, Kampung Padang Besar, Kampung Padang Chichar, Rtp Padang Besar, Kampung Kuala Temin, Kampung Sri Aman, Kampung Kubang Lintah, Kampung Banggol, Kampung Sungai Setar, Kampung Betong Dalam, Kampung Kenangan, Kampung Padang Pulut, Kampung Parit, Kampung Pasir Puteh, Kampung Kuala Hai, Kampung Pokok Jerai, Kampung Kota Bukit, Kampung Kuala Ruman, Kampung Kuala Jeneri, Kampung Langgok, Kampung Tanjung, Kampung Mambong, Kampung Masjid Jeneri, Kampung Tala, Kampung Tengah, Kampung Kalai, Kampung Tok Aris, Kampung Sungai Semiar, Kampung Carok Tala, Kampung Desa Jaya, Kampung Beruna Kanan, Kampung Beruna Kiri, Kampung Beruna Kiri Dalam, Kampung Changhai, Kampung Kuala Beris, Kampung Sungai Senang, Kampung Kura Melayu dan Kampung Relong (Tambahan).

Nama kampung yang terdapat di mukim Sok

Nama-nama kampung adalah: Kampung Batu Seketul Kampung Batu Seketul Dalam, Kampung Carok Tenang, Kampung Gulau, Kampung Landai Dan Melaka, Kampung Charok Senduk, Kampung Surau, Kampung Belantik Luar, Kampung Belantik Dalam, Kampung Bukit Berangan, Kampung Kota Aur, Kampung Carok Pisang/Sedau, Kampung Jurong dan Kampung Danglau.

Nama kampung yang terdapat di mukim Teloi

Nama-nama kampung adalah: Kampung Hujung Bandar, Kampung Charok Tok Uban, Kampung Bandar Hilir, Kampung Tanjung Besar/Charok Pelandok, Kampung Batu Lima, Kampung Lubuk Pagar, Kampung Merbau Kudung, Kampung Teloi Tua, Kampung Selamat/Joget, Kampung Tupai, Kampung Kerawai, Kampung Sri Belukar, Kampung Tanah Liat/Charok Lintah, Kampung Charok Pasir, Kampung Batu Besar, Kampung Baru Sri Dacing, Kampung Batu 2 Sungai Pau, Kampung Charok Tualang, Kampung Begia, Kampung Simpang Tiga Begia, Kampung Kuala Begia, Kampung Baru Padang Ragut, Kampung Lahar, Kampung Chemara dan Kampung Kilang Ubi (Tambahan) (*Rajah 3*).



Rajah 3. Peta Mukim dan Kampung Yang Terdapat Dalam Daerah Sik.

Demografi

Berdasarkan bancian Malaysia 2020, jumlah penduduk di Daerah Sik ialah seramai 67,925 orang dengan kepadatan penduduk 42 orang per kilometer persegi yang dikategorikan sebagai taburan penduduk sederhana (*Jadual 1*). Majoriti penduduk di daerah Sik merupakan bumiputera iaitu dengan peratusan 94 peratus daripada jumlah penduduk (DOSM, 2026).

Jadual 1. Bilangan penduduk mengikut bangsa pada tahun 2020 di Daerah Sik.

Status	Bangsa	Jumlah
Warganegara	Bumiputera	61,813
	Cina	513
	India	57
	Lain-lain	3,425
Bukan warganegara	-	2117
Jumlah		67,925

Sumber: DOSM (2026).

Sosio-ekonomi daerah Sik

Dari segi sosial, dapat dilihat masyarakat Melayu yang paling ramai di daerah Sik. Diikuti dengan masyarakat Siam dan Cina. Bagi masyarakat India kurang. Kebanyakan masyarakat Cina tertumpu di pekan Batu 5 kerana mempunyai banyak kedai untuk menjalankan kegiatan ekonomi seperti perniagaan. Agama yang dominan di daerah Sik ialah agama Islam. Kemudahan-kemudahan seperti jalan raya, internet dan bekalan air yang diuruskan oleh pejabat SADA Daerah Sik. Keistimewaan daerah Sik ialah kurangnya pencemaran seperti kesesakan lalu lintas kerana Sik masih lagi membangun. Bagi menjaga kebajikan penduduk di daerah Sik, mahkamah turut dibina dan proses tersebut masih berlangsung. Penduduk Sik diibaratkan seperti peribahasa Melayu “muafakat membawa berkat” iaitu saling bekerjasama untuk menjalankan aktiviti gotong-royong mengikut kawasan setempat.

Daerah Sik dikatakan sebagai bumi pertanian. Hal ini disokong dengan pendapat YB Uztaz Tarmizi dengan mengatakan Sik mempunyai geografi yang luas iaitu kawasan yang diliputi oleh bukit-bukit dan hutan-hutan serta tanah pamah serta dengan aktiviti pertanian seperti penanaman getah. Buktinya dalam Sinar Harian Sik menjadi pengeluar utama bagi lateks yang terbesar yang berkeluasan 7381 hektar di Malaysia selepas daerah Baling (Zakaraya, 2021). Maka, tidak hairanlah pendapat yang diutarakan oleh YB Ustaz Tarmizi & Puan Karmila, pekerjaan utama penduduk di daerah Sik ialah penoreh getah. Aktiviti penternakan seperti penternakan ayam dan udang turut dijalankan. Penanaman kopi iaitu Robusta di Kedah Agrobiz juga menjadi kegiatan ekonomi yang berjaya memenuhi permintaan pasaran serta diiktiraf oleh kerajaan. Penggunaan tanah yang ada digunakan secara optimal tetapi terdapat hutan-hutan seperti Hutan Lipur Lata Embun dan Hutan Simpan Ulu Muda yang dijaga untuk keseimbangan alam semula jadi. Agropelancongan turut bergiat aktif seperti di Tasik Beris (Sejarah Sosioekonomi di Daerah Sik) (*Jadual 2*).

Jadual 2. Pekerjaan mengikut Sektor Utama Di Daerah Sik.

Sektor	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	114.0	121.2	127.3	127.8	119.4	99.1
Perlombongan dan kuari	1.9	1.6	1.3	1.5	1.9	1.3
Pembuatan	173.9	183.0	185.7	192.0	174.3	173.3
Pembinaan	61.8	61.8	56.7	57.2	55.2	74.1
Perkhidmatan	532.9	538.6	538.2	545.1	563.9	586.5
Jumlah	884.3	906.3	909.2	923.6	914.7	934.2

Pernyataan masalah

Sejarah awal Daerah Sik, Kedah terutama mengenai sejarah asal-usul nama, pembukaan dan perkembangan seterusnya hinggalah kini adalah kabur. Daerah Sik sehingga kini mempunyai dua versi yang berbeza tentang asal-usulnya. Sebagaimana negeri-negeri atau daerah-daerah lain di Malaysia, belum banyak kajian yang berfokus kepada kajian tempatan yang menumpukan kepada sejarah asal-usul sesuatu tempat. Walaupun ramai di antara kita bermula dengan kehidupan di kampung, namun berapa ramai yang tahu asal-usul nama kampung mereka. Kalau diperhatikan nama kampung kebanyakannya ada kaitan dengan persekitaran seperti nama pokok, nama bunga dan ada juga diambil dari nama binatang. Apapun nama daerah dan kampung-kampung itu, hanya orang dulu-dulu juga yang tahu kenapa nama kampung itu dinamakan sedemikian. Kadangkala ada nama kampung yang kedengaran lucu dan tidak sesuai dengan nama tempatan, tapi bagi orang dulu-dulu mungkin ada kisah dan sejarahnya, malahan menjadi satu kebanggaan buat mereka. Misalnya nama kampung di daerah Sik

iaitu Kampung Banggul Dedap, Kampung Namek Tua, Kampung Radek, Bendang Man dan lain-lain pasti ada cerita di sebalik nama tersebut. Nama melambangkan identiti. Jadi nama daerah dan kampung itu akan melambangkan identiti kampung itu. Justeru, untuk pengetahuan sejarah serta mengembangkan kajian sejarah tempatan, wajarlah diusahakan kajian untuk mendokumentasikan asal-usul nama-nama daerah dan kampung-kampung yang unik agar terus diingati dan ada nilai sejarahnya. Seterusnya membukukannya untuk pengetahuan generasi akan datang. Mungkin ada yang menyatakan mustahil kerana di negara kita terdapat begitu banyak daerah dan kampung. Namun, sesuatu kejayaan itu bermula dengan langkah pertama. Kalau tiada pihak yang ingin memulakannya, maka mustahil perkara ini menjadi realiti.

Persoalan kajian

Kajian ini merupakan satu kajian awal yang akan menumpukan kepada sejarah asal-usul nama tempat atau kampung-kampung di daerah Sik yang terpilih. Apakah sejarah asal-usul nama kampung yang terpilih di daerah Sik?

Objektif kajian

Mengkaji sejarah asal usul nama kampung yang terpilih di daerah Sik.

Kekangan kajian

Keluasan seluruh Daerah Sik ialah 1,635,457.65 hektar (1,634.6 km persegi) dan merupakan sebuah daerah yang kedua terbesar di Kedah. Keadaan ini menjadi satu masalah kepada penyelidik dalam mendapatkan data. Jarak di antara sebuah kampung dengan kampung yang lain agak jauh di antara 30km ke 70km. yang mengambil masa 1 ke 2 jam. Bentuk muka bumi daerah Sik juga menyukarkan pergerakan dan mengambil masa yang lama bagi sampai ke lokasi responden-responden yang terpilih. Kekangan yang kedua adalah bagi mendapatkan responden yang sesuai yang mempunyai informasi tentang kampung atau tempat yang dipilih. Kekangan ini menyebabkan penyelidik tidak dapat memperolehi data bagi semua tempat atau kampung di daerah Sik.

Sorotan literatur

Kajian fungsi kisah asal usul nama tempat

Kajian tentang nama tempat, atau toponimi, penting kerana nama tempat bukan sekadar berfungsi untuk mengenal pasti lokasi, tetapi turut memelihara memori kolektif, pengetahuan tentang alam sekitar, identiti budaya, tradisi lisan dan pengalaman sejarah tempatan. Karya-karya asas dalam bidang geografi manusia dan sejarah lisan menunjukkan bahawa sesuatu tempat menjadi bermakna melalui pengalaman hidup, ingatan, bahasa dan naratif komuniti (Thompson dan Bornat, 2017; Basso, 1996; Vansina, 1985; Tuan, 1977). Dalam perkembangan kajian toponimi kritikal yang lebih mutakhir, nama tempat difahami sebagai inskripsi budaya yang mencerminkan identiti, ingatan, kuasa dan rasa kepunyaan terhadap sesuatu tempat (Rose-Redwood et al., 2010; Berg dan Vuolteenaho, 2009). Dalam konteks Malaysia pula, kajian tentang nama-nama kampung di Kedah menunjukkan bahawa nama tempat tempatan sering dibentuk oleh faktor geografi, tumbuh-tumbuhan, kegiatan ekonomi, migrasi, naratif lisan dan warisan komuniti (Ahmad et al., 2015). Kajian oleh Sari (2019) melihat kisah

asal usul nama tempat yang menggunakan nama Parak di kota Padang. Indonesia. Kajian ini dijalankan kerana masih ramai penduduk di kawasan tersebut yang hampir tidak mengetahui kisah asal usul nama kawasan Parak yang mereka tinggal, dan juga masih ramai masyarakat di kawasan tersebut yang dipengaruhi oleh pelbagai cerita tentang asal usul nama tempat menggunakan nama parak di Kota Padang. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa 21 cerita asal usul nama tempat menggunakan nama parak di Kota Padang mempunyai fungsi sebagai alat pendidikan, berfungsi sebagai alat pengesahan budaya dan juga berfungsi sebagai satu cara untuk menguatkuasakan pelaksanaan norma sosial, serta alat kawalan sosial.

Kajian asal usul nama kampung

Kajian oleh Budi Anto Mohd Tamring dan rakan-rakan pada 2023 melihat asal usul nama sesuatu tempat atau kampung khususnya dalam masyarakat di Sabah yang seringkali dikaitkan dengan unsur-unsur mitos dan legenda rakyat. Kertas kerja tersebut bertujuan untuk menerangkan asal-usul Kampung Nelumad melalui sejarah lisan dan juga menjelaskannya dalam konteks mitos dan legenda rakyat setempat. Menggunakan kaedah temubual, hasil kajian yang diperoleh menunjukkan kampung Nelumad telah wujud sejak zaman sebelum kedatangan British lagi. Penduduk awal kampung Nelumad adalah daripada dua keturunan iaitu keturunan Gimbukon dan keturunan Kumantan dan kedua-dua keturunan keluarga ini telah berkembang dan mempunyai tujuh generasi keturunan sehingga kini. Asal-usul nama kampung Nelumad pula adalah berdasarkan dua versi sumber iaitu versi pertama berdasarkan pertemuan antara dua sungai dan versi kedua adalah berdasarkan kisah pemburu yang menemui kanak-kanak berhampiran dengan sungai. Selain itu, Nelumad juga dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu Notuhan, Dantaion dan Lakang yang juga terbentuk atau dinamakan berdasarkan peristiwa alam sekitar dan cerita mitos serta legenda rakyat setempat.

Kajian yang dijalankan oleh Sarah dan rakan-rakan pada tahun 2015, cuba menyelami asal usul disebalik nama-nama kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai, Kedah. Mereka mengkaji asal usul nama-nama kampung di Merbok dan Bujang daripada cerita-cerita lisan penduduk-penduduk kampung. Kajian ini dilaksanakan bagi mencatat sejarah-sejarah lisan dan direkodkan sementara mereka yang mempunyai pengetahuan tentang sejarah secara lisan ini masih hidup dan sebelum asal-usul tersebut dilupakan. Kajian ini berjaya merekodkan beberapa nama-nama kampung di Merbok dan Bujang. Hasil kajian ini mendapati nama-nama yang digunakan sekarang ini berkaitan dengan sejarah dan latar belakang masyarakat persekitaran di kawasan tersebut.

Selain sejarah Kedah, banyak 9 daerah di negeri Kedah belum dikaji secara mendalam, kecuali Langkawi. Kebanyakan kajian daerah dan nama-nama kampung di negeri Kedah hanya boleh dibaca melalui laman portal rasmi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), namun tidak semua PBT menceritakan tentang asal-usul daerah kecuali PBT Daerah Alor Setar, Langkawi, Yan, Sik dan Padang Terap. Selain laman portal PBT, blog-blog peminat sejarah dan keratan akhbar juga ada menceritakan tentang asal-usul nama daerah dan kampung-kampung di negeri Kedah tetapi hanya beberapa nama daerah dan kampung sahaja yang dikaji.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini akan menggunakan metod penyelidikan sejarah yang akan menumpukan kepada kaedah bertulis dan kaedah lisan. Secara tidak langsung ianya adalah kaedah pendekatan kualitatif secara deskriptif dan kajian lapangan. Tahap penyelidikan ini meliputi tahap pengumpulan, tahap pengklasifikasian dan tahap penganalisaan. Lokasi kajian di daerah Sik, Kedah. Tahap pengumpulan merujuk kepada kaedah bertulis yang akan dilaksanakan melalui kajian Arkib untuk mendapatkan data primer dari catatan harian seseorang, fail kerajaan, laporan atau catatan pengembaraan dan data sekunder dari perpustakaan yang merujuk kepada buku, akhbar dan jurnal sebagai bahan tambahan untuk penyusunan asal-usul daerah Sik dan asal-usul nama kampung-kampung terpilih. Hal ini disebabkan daerah Sik mempunyai empat mukim dan di setiap mukim terdapat 49 buah kampung. Justeru kajian pada peringkat awal ini akan menumpukan kepada pencarian asal-usul kampung-kampung terpilih yang telah mempunyai data asas sama ada secara bertulis ataupun melalui sejarah lisan. Sejarah lisan adalah satu cara bagi mendapatkan keterangan sejarah dalam bentuk lisan untuk menambah pengetahuan sejarah dan bukannya menggantikan sumber-sumber bertulis yang berkaitan atau yang telah dihasilkan dalam jangka waktu berkenaan, untuk menambah sumber bertulis yang sedia ada dengan keterangan-keterangan sejarah yang telah dicatatkan, untuk menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang dan ia juga sebagai pendorong kepada para sejarawan untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang telah disediakan dengan sumber-sumber lisan. Kaedah lisan merupakan proses mendapatkan maklumat melalui temu bual. Tokoh yang dipilih untuk ditemu bual dikenali sebagai orang sumber. Orang sumber biasanya terdiri daripada mereka yang memberikan maklumat melalui pemerhatian dan pengalaman sendiri. Justeru, dalam mengumpulkan data di lapangan, pengkaji menggunakan tatacara temubual, pemerhatian dan alatan seperti alat perakam dan kamera sebagai alat bantu pengumpulan data. Terdapat tiga tahap dalam kaedah lisan:

Tahap pertama: Persediaan

Kaedah kajian pada peringkat permulaan adalah pengumpulan maklumat dan data pada awal proses penyelidikan atau kajian. Proses ini melibatkan penilaian terhadap karya-karya sedia ada yang berkaitan dengan topik kajian. Ini bagi membantu penyelidik memahami latar belakang, isu-isu utama, dan penemuan sebelumnya yang berkaitan dengan subjek kajian bagi menentukan skop atau perkara dalam penyediaan soalan-soalan temubual yang akan dijalankan pada peringkat kedua. Penyelidik juga akan dapat memilih soalan yang bersifat pendekatan sejarah.

Tahap kedua: Temubual

Setelah membuat persediaan lengkap dengan soalan-soalan temubual terutama dengan meneliti sumber bertulis dahulu, penyelidik telah menetapkan responden-respondan untuk temubual dan tempat/kampung yang akan dikaji. Respondan temubual terdiri daripada golongan generasi awal yang masih ada, penghulu kampung dan pegawai dari Majlis Daerah Sik. Temu bual telah dilakukan oleh pembantu penyelidik yang dilantik terhadap 15 orang penduduk daerah Sik (*Jadual 3*).

Jadual 3. Maklumat responden temubual.

Bil	Pekerjaan	Umur	Lokasi
-----	-----------	------	--------

1.	Penghulu Kampung	28	Gulau
2.	Kerja Kampung	52	Gulau
3.	Kerja Kampung	65	Gulau
4.	Penghulu Kampung	66	Kampung Batu 5
5.	Penghulu Kampung	44	Kampung Begia
6.	Penghulu Kampung	49	Pekan Gubir
7.	Nelayan Air Tawar	60	Pekan Gubir
8.	Nelayan Air Tawar	46	Pekan Gubir
9.	Suri Rumah	58	Kampung Paya Terendam
10.	Pesara	67	Kampung Paya Terendam
11.	Pegawai Majlis Daerah Sik	57	Pekan Sik
12.	Pegawai Majlis Daerah Sik	27	Pekan Sik
13.	Jurutera	23	Pekan Sik
14.	Guru	53	Pekan Sik
15.	Pesara	61	Kampung Chong

Tahap ketiga: Memproses data

Pemprosesan data temubual melibatkan analisis dan interpretasi maklumat yang diperoleh daripada temu bual untuk mencapai objektif kajian. Temu bual telah ditukar menjadi teks bertulis. Ini melibatkan penulisan semula maklumat yang diperoleh semasa temu bual dengan jelas dan setepat mungkin. Transkripsi yang teliti penting untuk memastikan ketepatan dan kebolehgunaan data. Setelah itu, data dikenal pasti, dikategorikan, dan dianalisis mengikut tempat yang dikaji. Penyelidik membaca semula transkripsi, membuat perbandingan melibatkan membandingkan dan mengkontraskan maklumat yang diperoleh dari pelbagai responden atau kumpulan responden. Ini membantu dalam menemui persamaan, perbezaan, atau corak yang mungkin berkaitan dengan kajian (*Jadual 4*).

Jadual 4. Dapatan kajian.

Bil	Lokasi	Asal Usul Nama	Asal Maklumat	Maklumat Lokasi
1.	Pekan Gulau	Pokok Gulau	Penceritaan orang lama yang tinggal di Gulau	Berkembang bermula daripada tahun 80an. Masyarakat di Gulau masih mengekalkan tradisi lama seperti bergotong royong ketika kenduri-kendara. Majoriti penduduk di Gulau adalah penoreh getah dan peniaga.
2.	Kampung Belantik	Nama alat perangkap harimau	Cerita dari orang-orang tua yang tinggal di Belantik	Majoriti penduduk adalah penoreh getah, Nelayan Air Tawar dan Bekerja sendiri. Terkenal sebagai tempat memancing dan sebagai tempat pelancongan kerana terdapat kawasan Tasik Ulu Muda.
3.	Kampung Kota Aur	Kota yang diperbuat daripada buluh	Kisah Raja Bersiong	Dibuka pada 70an selepas menjadi kawasan putih. Majoriti penduduk adalah penoreh getah, Nelayan Air Tawar dan Bekerja sendiri. Terkenal sebagai tempat memancing dan sebagai tempat pelancongan kerana terdapat kawasan Tasik Ulu Muda.
4.	Kampung Paya Terendam	Orang kampung menjumpai tempayan yang hilang dalam sungai. Kejadian tempayan yang terendam di dalam sungai telah mencetuskan nama kampung sebagai Kampung Paya Terendam.	Orang-orang tua yang tinggal di Kampung Paya Terendam selepas perang Siam/Kedah.	Majoriti penduduk di sini adalah penoreh getah, pengusaha kebun kelapa sawit dan dusun buah-buahan.
5.	Kampung Batu 5	Jarak dari pekan Jeniang adalah 5 batu	Orang-orang tua	Diasaskan pada tahun 40an oleh Tok Haji Saad. Mula berkembang pada tahun 80an. Mula dimajukan 10 tahun kebelakangan ini. Kampung Batu 5 berada di tengah-tengah di antara Pekan Sik dan Pekan Jeniang. Penduduk disini bekerja sendiri,peniaga, pekerja kilang,

6.	Kampung Begia	Nama kampung diambil daripada perkataan bahagia yang dipanggil Begia dalam dialek bahasa Thai.	Cerita dari orang-orang tua.	penoreh getah dan guru sekolah. Berkembang sebelum zaman British. Penduduk kampung di Begia terdiri daripada komuniti Siam dan campuran Siam dan Cina. Majoriti penduduk di Gulau adalah penoreh getah dan peniaga
7.	Kampung Chong	Nama pokok. Pokok Chong. Kisah bermula apabila di sebuah perkampungan yang menanam padi huma namun ditumbuhi lalang kerana telah melanggar pantang larang. Penduduk kampung berpindah ke penempatan baru dan membuat bahan api. Di penempatan baharu terdapat pokok chong dan diberi nama Kampung Chong.	Cerita dari ibu.	Penduduk di sini mengusahakan dusun buah-buahan. Kampung ini merupakan pusat pengeluaran buah durian. Terdapat Tasik Beris dan menjadi tempat pelancongan.
8.	Pekan Sik	Berasal daripada perkataan perkataan arab Syeikh/Syed yang diucapkan dalam dialek Pattani	Dari orang-orang lama yang tinggal di Pekan Sik.	
9.	Kampung Kuala Kerik	Kampung Betong mendapat nama sempena dengan nama pokok buluh betong yang sememangnya banyak terdapat di sekitar kampung ini. Kampung Kuala Kerik mendapat nama sempena dengan terdapatnya sebatang sungai yang mana hulunya di bahagian timur kampung ini. Di bahagian baratnya pula terdapat sebatang sungai iaitu Sungai Muda. Aliran air Sungai Kerik telah mengalir dan bertemu dengan Sungai Muda. Maka pertemuan dua batang sungai ini telah membentuk 'kuala sungai'. Dengan itu, Kampung Kuala Kerik mendapat nama hasil daripada pertemuan dua batang sungai ini.	Sumber Internet	Kampung Kuala Kerik merupakan sebuah kampung yang terletak di Jeniang
10.	Kampung Baru Nami	Nami diceritakan mendapat nama daripada dua perkataan siam iaitu "NAM" dan "MI". NAM bermaksud muka dan MI bermaksud Beruang. Individu yang memberikan nama ini sukar dikenalpasti siapa tetapi ada yang berkata ianya diberikan oleh Raja Bersiong yang menghilir sungai Muda dari Kota Aur dan sampai di sebuah lubang yang dalam dan bentuk lubang itu seperti muka beruang, maka dikatakan lubang itu sebagai lubang NAMMI (Nami).	Sumber Internet	Kampung Baru Nami merupakan sebuah kampung yang terletak di Mukim Sok.
11.	Kampung	Kampung Nangka Pipit	Dari orang-orang lama yang	Kampung Hujung Bandar berasal dari

	Hujung Bandar	ditukar nama kepada kampung Bandar, di mana Kampung Bandar merupakan tempat persinggahan pertama Haji Idris dan pengikutnya iaitu pengasas kampung ini. Cuma perkataan Hujung di pangkal nama ditambah mungkin kerana kampung ini terletak agak jauh dari pekan yang berdekatan iaitu pekan Sik.	tinggal di Pekan Sik. Sumber Internet	nama Kampung Nangka Pipit. Namun, beberapa orang penduduk kampung mencadangkan nama kampung diubah, memandangkan nama tersebut sudah tidak sesuai lagi. Ini kerana pokok nangka pipit sudah pupus dan sukar untuk mendapatkannya lagi. Pada awal 50-an, Encik Noh bin Cik The selaku ketua kampung mencadangkan Kampung Nangka Pipit ditukar nama kepada kampung Bandar, di mana Kampung Bandar merupakan tempat persinggahan pertama Haji Idris dan pengikutnya iaitu pengasas kampung ini. Cuma perkataan Hujung di pangkal nama ditambah mungkin kerana kampung ini terletak agak jauh dari pekan yang berdekatan iaitu pekan Sik.
12.	Kampung Kura	Kelihatan patung kura-kura menjadi ikon di Kampung Kura iaitu di Wat Siam iaitu Wat Thammasirivararam (Wat Kura) dan Rock Village.	Dari Pemerhatian.	Kawasan Kampung Kura, Mukim Jeneri, majoritinya adalah penduduk Siam Kedah. Terkenal dengan pembukaan Rock Village sebagai kawasan tumpuan pelancongan baru di Sik.
13.	Kampung Hujung Bechah	Kampung Hujung Bechah mendapat nama kerana terdapat banyak bechah (atau alur paya) di sekitar kampung. Terdapat 5 alur paya dikenalpasti terdapat di sekitar kampung. Bechah-bechah ini dahulunya menjadi pembekal sumber air penting kepada penggunaan harian penduduk kampung dan sawah padi.	Sumber Internet	Lokasi Kampung Hujung Bechah adalah berjarak 2 km dari jalan utama yang menghubungkan Pekan Sik-Jeniang, dan terletak bersebelahan di antara Kampung Kemelong, Sik dan Kampung Charok Tok Uban, Sik.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Terdapat beberapa elemen yang dibincangkan dalam kajian asal usul nama tempat/kampung di daerah Sik.

Sejarah/Mitos

Kampung Paya Terendam, Kampung Kota Aur

Melalui temubual tentang asal nama Kampung Kota Aur, responden telah menyatakan informasi itu diperolehi daripada kisah Raja Bersiong. Kisah Raja Bersiong ini diperolehi daripada buku Raja Bersiong. "Buku Raja Bersiong" adalah sebuah karya sastra Melayu klasik yang terkenal, sering kali dianggap sebagai salah satu kisah epik yang paling penting dalam sastera Melayu. Kisah ini telah menjadi bahagian integral dari warisan budaya Melayu dan telah diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa dan adaptasi moden. Cerita "Buku Raja Bersiong" juga sering kali dihubungkan dengan asal-usul nama tempat tertentu di wilayah Melayu. Misalnya, ada mitos yang mengatakan bahawa raja dalam cerita tersebut pernah berkuasa di suatu tempat, dan nama tempat tersebut kemudian diabadikan dalam cerita rakyat sebagai bagian dari warisan budaya (*Rajah 4*).



Rajah 4. Kota Aur yang terletak di Gubir Kedah dipercayai milik Raja Bersiong.
Kota aur yang terletak di Gubir Kedah dipercayai milik Raja Bersiong.

Aspek geografi

Pekan Gulau, Kampung Chong, Kampung Batu 5 dan Kampung Kura

Memahami asal usul nama tempat melalui aspek geografi membolehkan kita melihat bagaimana ciri fizikal sesuatu kawasan mempengaruhi pembentukan nama tempat tersebut. Ciri-ciri semula jadi; banyak nama tempat diperoleh daripada ciri-ciri semula jadi yang biasa di rantau ini. Persekitaran semula jadi; persekitaran semula jadi sesuatu kawasan juga boleh mempengaruhi pembentukan nama tempat. Kampung Batu 5 diambil sempena jarak kampung itu terletak lima batu dari pekan Sik, iaitu pekan utama di daerah Sik. Tumbuhan dan fauna; nama tempat selalunya menggambarkan tumbuh-tumbuhan atau fauna biasa sesuatu kawasan. Pekan Gulau diambil sempena nama pokok Gulau. Manakala Kampung Chong diambil daripada nama pokok Chong. Pokok Chong juga dikenali sebagai Pokok Tambak Bukit, Pokok Sembong Hutan, Rumput Sepagi, Pokok Cenderong Hari, Pokok Genduan Hari, Pokok Seson Daun, Rumput Tahi Babi, Rumput Bujang Semalam, Pokok Tabak-tabak, Pokok Chong-cong Hari. Di kalangan masyarakat Siam di Sik, ia dipanggil pokok Seson. Di kalangan masyarakat Sik, dipanggil sawi/lobak bukit dan dimakan sebagai sayur. Manakala Kampung Kura diambil sempena kura-kura yang banyak didapati di kawasan tersebut sehinggakan sebuah Wat Siam menjadikan tema patung kura-kura sebagai lambang wat tersebut dan kura-kura menjadi ikon di Rock Village yang terletak di Kampung Kura sebagai pusat pelancongan baru di Mukim Jeneri (*Rajah 5 dan Rajah 6*).



Rajah 5. Wat Thammasirivararam (Wat Kura)-Kampung Kura.



Rajah 6. Replika Kura-kura di Rock Village.

Kampung Kuala Kerik, Mukim Jeneri

Menurut cerita orang-orang tua, kampung ini asalnya diberi nama Kampung Betong. Kampung ini telah dibuka pada sekitar tahun 1920-an. Kampung Betong mendapat nama sempena dengan nama pokok buluh betong yang sememangnya banyak terdapat di sekitar kampung ini. Kampung ini pada awalnya merangkumi satu kawasan yang luas iaitu di bahagian selatannya bersempadan dengan Kampung Padang Pulut. Bahagian utaranya pula mengunjur hingga ke Kampung Kuala Beris. Kawasan yang luas ini telah

dinamakan Kampung Betong. Ketika itu, taburan penduduk adalah sangat jarang sekali. Sebelum merdeka, kampung ini merupakan 'kawasan hitam' iaitu tempat laluan penganas komunis. Setelah negara mencapai kemerdekaan, bilangan penduduk semakin bertambah. Walau bagaimanapun ketika itu tidak ada jalan darat yang sempurna. Laluan adalah di pesisir sungai Muda. Ketika itu, pekan yang paling dekat adalah pekan Jeniang. Jika ada penduduk yang hendak ke Jeniang mereka akan menuju ke hilir (menghilir) menaiki rakit buluh. Apabila hendak balik semula, mereka akan berjalan kaki.

Ketua kampung yang pertama untuk Kampung Betong ialah Md Isa yang lebih dikenali dengan nama 'Pak Dai Sa'. Sekitar tahun 1970-an, ramai orang telah berhijrah ke Kampung Betong ini. Mereka datang membuka tanah untuk menanam getah dan dusun buah-buahan. Akhirnya, kata sepakat telah diambil untuk memecahkan Kampung Betong kepada beberapa buah kampung bagi menyenangkan pentadbiran. Dengan itu, ia telah dipecah kepada tiga buah kampung iaitu, Kampung Kuala Kerik, Kampung Pokok Jerai, dan Kampung Betong Dalam. Setiap kampung mempunyai ketua kampung masing-masing. Kampung Kuala Kerik yang dahulunya merupakan pusat pentadbiran bagi Kampung Betong telah dipecahkan dengan bahagian selatannya bersempadan dengan Kampung Padang Pulut dan bahagian utaranya pula bersempadan dengan Kampung Pokok Jerai. Kampung Kuala Kerik mendapat nama sempena dengan terdapatnya sebatang sungai yang mana hulunya di bahagian timur kampung ini. Di bahagian baratnya pula terdapat sebatang sungai iaitu Sungai Muda. Aliran air Sungai Kerik telah mengalir dan bertemu dengan Sungai Muda. Maka pertemuan dua batang sungai ini telah membentuk 'kuala sungai'. Dengan itu, Kampung Kuala Kerik mendapat nama hasil daripada pertemuan dua batang sungai ini (*Rajah 7*).



Rajah 7. Pertemuan Dua Batang Sungai.

Kampung Hujung Bandar

Asal usul kampung Hujung Bandar, adalah dipercayai bermula dengan kedatangan beberapa orang pendatang dari Pattani, Selatan Tailand. Mereka datang seramai lebih kurang dua puluh orang dan ada yang datang berpasangan suami isteri beserta anak-anak. Tujuan sebenar mereka berhijrah dari tanah kelahiran sendiri adalah untuk

mencari petempatan baru yang lebih sistematik dan strategik dari segi petempatan dan untuk bercucuk tanam. Salah seorang ahli kumpulan daripada pendatang itu ialah Haji Idris. Beliau dikatakan sebagai ketua rombongan tersebut malah beliau juga merupakan guru agama dan lebih dikenali oleh pengikutnya sebagai “Tok Guru”. Sebelum sampai ke kampung Hujung Bandar, mereka singgah dan menetap di Kampung Bandar selama lebih kurang tiga tahun.

Walaupun agak lama bermukim di situ Haji Idris tidak begitu berpuas hati dan beliau mengemukakan cadangan kepada anak-anak buahnya supaya dicari petempatan yang lebih sesuai. Lebih kurang lapan kilometer mengikut arah matahari naik, tibalah mereka ke sebuah kawasan hutan dan belukar yang jernih dan deras aliran airnya. Persekitaran kawasan perintis mereka itu begitu sesuai untuk menjalankan kegiatan ekonomi, kerana terdapat kemudahan sumber air. Sebagai ketua, Haji Idris mengarahkan anak-anak buahnya membersihkan hutan tebal dan akhirnya mereka pun membuat petempatan disitu. Mereka membina rumah dari kayu-kayuan, buluh-buluh dan atap dari jalinan daun nipah dan rumbia. Mereka bersatu padu dan bekerjasama menanam pelbagai jenis tanaman makanan dan sesiapa yang berkemampuan dan rajin berusaha membuka tanah baru, maka dialah empunya tanah tersebut.

Setelah sekian lama berada di situ dan semakin hari kehidupan mereka meningkat maju, mereka berfikir untuk memberi nama kepada kawasan kediaman mereka. Haji Idris sebagai ketua mencadangkan tempat itu diberi nama Kampung Naka Pipit. Pemilihan nama itu berdasarkan bahawa pada waktu itu terdapat begitu banyak pokok nangka pipit. Melalui beberapa generasi, Kampung Nangka Pipit turut mengalami pembaharuan dan kemajuan. Penduduk semakin bertambah dan perubahan kampung dari segi kemudahan asas sudah mencukupi. Perubahan pemikiran masyarakat kampung juga turut berubah. Beberapa orang penduduk kampung mencadangkan nama kampung diubah, memandangkan nama tersebut sudah tidak sesuai lagi. Ini kerana pokok nangka pipit sudah pupus dan sukar untuk mendapatkannya lagi. Pada awal 50-an, Encik Noh bin Cik The selaku ketua kampung mencadangkan Kampung Nangka Pipit ditukar nama kepada Kampung Bandar, di mana Kampung Bandar merupakan tempat persinggahan pertama Haji Idris dan pengikutnya iaitu pengasas kampung ini. Cuma perkataan Hujung di pangkal nama ditambah mungkin kerana kampung ini terletak agak jauh dari pekan yang berdekatan iaitu pekan Sik. (ppakhujungbandarsik.blogspot.com)

Asal Usul Linguistik

Kampung Begia, Pekan Sik

Melalui aspek linguistik, kita dapat melihat bagaimana bahasa dan etimologi mempengaruhi pembentukan nama tempat. Melalui aspek linguistik juga, kita dapat memahami lapisan-lapisan makna dan sejarah yang terkandung dalam nama tempat, serta bagaimana interaksi antara bahasa dan budaya mempengaruhi pembentukan dan evolusi nama-nama tersebut.

Transliterasi dan transkripsi

Nama tempat diterjemahkan dari satu bahasa ke bahasa lain, atau di mana bahasa-bahasa yang berbeda saling meminjam kata, perubahan dalam transliterasi atau transkripsi dapat memengaruhi bentuk akhir nama tempat. Selain itu, bahasa juga mengalami evolusi seiring waktu, dan nama tempat sering mengalami perubahan bahasa

dan ejaan dari masa ke masa. Kajian ini mendapati Kampung Begia berasal dari perkataan Bahagia mengikut dialek bahasa Thai.

Manakala nama Pekan Sik pula diperolehi daripada perkataan "Syeikh" iaitu gelaran yang diberikan kepada sekumpulan pendakwah Islam dari Arab (Hadramaut) yang menyusuri Sungai Chepir (salah satu rangkaian sungai utama di daerah Sik) dan singgah di Kg Lubok Tok Keramat untuk menjalankan kegiatan dakwah dalam kalangan masyarakat Melayu Sik sekitar abad ke-17. Sik berasal daripada perkataan Arab "Syed". Mubaligh-mubaligh Arab dikatakan membuka penempatan ini. Mereka berhenti dan singgah di Lubok Tok Keramat, Sg. Chepir berdekatan dengan stesen minyak Shell sekarang, di Pekan Sik. Mereka telah mendirikan perkhemahan di sebuah padang yang dikenali sebagai Padang Tok Sheikh. Tapak ini kemudiannya berkembang menjadi sebuah penempatan dan pondok yang pertama di Daerah Sik dan mungkin yang pertama di negeri Kedah Darul Aman. Padang Tok Sheikh kini terletak berhampiran dengan Masjid Pekan Sik dan telah dibangunkan sebagai Kompleks Pejabat Agama Daerah Sik, Kedah. Perkataan Sik berasal dari Syed atau Sheikh dan jika disebut dalam loghat Patani Kelantan, ianya berbunyi Sik. Sebutan di antara Sik dan Saik. Rombongan mubaligh itu berketurunan Wan Ibrahim Mekong. Masyarakat Melayu Sik berdasarkan satu sumber asalnya merupakan masyarakat Melayu Patani yang datang membuka tanah di kawasan barat dalam wilayah penguasaan Kesultanan Kedah. Perkataan "Syeikh" yang digelar kepada para pendakwah Arab tersebut lama kelamaan berubah menjadi Sek atau Saik mengikut loghat lidah Pattani yang akhirnya diterima sebagai nama kepada daerah ini.

Terdapat juga versi kedua asal usul perkataan Sik iaitu dari kisah Raja Bersiong di mana dikatakan bahawa ketika Raja Bersiong melarikan diri daripada dikejar oleh angkatan pemberontak yang diketuai oleh Menteri Berempat, siong yang tumbuh di mulut Raja Bersiong mulai sakit sehingga berbunyi gemersik (iaitu bunyi ngilu yang dirasakan apabila kita menggigit sudu besi). Hasil daripada perkataan "gemersik/gemersek" inilah akhirnya menjadi punca kepada nama daerah Sik. Manakala versi ketiga menyatakan nama Sik sendiri berasal dari aksi orang tempatan yang mendakwa adanya batu yang bisa menjerit ketika dipalu, iaitu "batu sik". Campuran batu dengan desa menciptakan nama 'Rock Village Sik'. Rock Village Sik terletak di kawasan bukit di Kampung Kura yang baru dipopulerkan sebuah pusat pelancongan, pusat penginapan dan rekreasi baru yang terdapat di Sik.

Kampung Baru Nami

Sejarah Kampung Nami telah wujud lama sebelum merdeka. Asalnya kampung ini dihuni oleh penduduk berketurunan Siam, sebab itulah kebanyakan penduduk asal (orang tua-tua) kampung Baru Nami ada yang pelat logatnya lebih kepada loghat Siam dan mahir berbahasa Siam. Kampung Baru Nami terletak di sempadan antara daerah Sik dan daerah Padang Terap. Sebatang sungai iaitu sungai Muda menjadi pemisah kepada persempadanan ini dan dihubungkan antara dua daerah ini dengan sebuah jambatan. Nami diceritakan mendapat nama daripada dua perkataan siam iaitu "NAM" dan "MI". NAM bermaksud muka dan MI bermaksud Beruang. Individu yang memberikan nama ini sukar dikenalpasti siapa tetapi ada yang berkata ianya diberikan oleh Raja Bersiong yang menghilir sungai Muda dari Kota Aur dan sampai di sebuah lubuk yang dalam dan bentuk lubuk itu seperti muka beruang, maka dikatakan lubuk itu sebagai lubuk NAMMI (Nami). Lubuk Nami kekal sehingga hari ini. Ketika zaman darurat, Orang-orang Melayu daripada Danglau dan Lubuk Kemahang dipindahkan ke Kampung Nami

dan diberi nama Kampung Baru Nami. Penduduk Siam masih wujud tetapi kebanyakan mereka menetap di Kampung Nami Lama (kawasan Sungai Kap) dalam Daerah Padang Terap. Walaupun penduduk yang berpindah ke Kampung Baru Nami berasal dari dua kampung yang berbeza tetapi kebanyakan mempunyai tali persaudaraan.

Pengaruh budaya dan tradisi

Kampung Belantik

Dari sudut pandang budaya dan tradisi, asal usul nama tempat sering kali terkait erat dengan cerita rakyat, tradisi lokal, dan nilai-nilai budaya yang diwariskan dari generasi ke generasi. Dengan memahami bagaimana budaya dan tradisi ini mempengaruhi pembentukan nama tempat, kita dapat melihat bagaimana nilai-nilai dan identiti budaya tercermin dalam geografi fisik suatu wilayah dan bahkan mempengaruhi persepsi dan pengalaman orang-orang yang tinggal di sana. Aspek budaya dan ekonomi suatu wilayah sering tercermin dalam nama tempat. Kampung Belantik diambil nama dari karakteristik sosial dan ekonomi masyarakat yang tinggal di situ. Nama belantik adalah nama alat yang digunakan untuk memerangkap harimau. Belantik adalah kawasan yang diliputi dengan hutan dan masyarakat di situ banyak membuka hutan untuk keperluan kediaman dan makanan. Mereka juga melakukan aktiviti memburu binatang dengan cara menggunakan perangkap atau jerat. Melalui perbincangan mengenai elemen-elemen ini, kajian asal usul nama tempat/kampung dapat memberikan wawasan yang mendalam tentang sejarah, budaya, dan identiti tempatan. Ini penting tidak hanya untuk memahami latar belakang tempat tersebut, tetapi juga untuk memelihara warisan budaya dan sejarah yang ada.

Kesimpulan

Nama tempat selalunya merupakan bahagian penting dalam menunjukkan identiti setempat sesebuah komuniti. Selain itu, nama-nama tempat juga mencerminkan kepelbagaian budaya masyarakat yang mendiami kawasan atau tempat tersebut. Hal ini dapat dilihat dari penggunaan bahasa, mitologi, atau nilai-nilai budaya dalam penamaan tempat. Seseengah nama tempat pula mungkin berasal daripada ciri geografi yang menonjol di kawasan itu, seperti sungai, gunung dan hutan. Kajian tentang asal usul nama tempat dapat membantu dalam memahami lagi bentuk muka bumi dan geologi sesuatu kawasan dan juga boleh membantu dalam memahami cara orang tempatan berhubung dengan persekitaran mereka melalui bahasa dan sejarah. Oleh itu, kajian tentang asal-usul nama tempat di daerah Sik telah memberikan pemahaman tentang sejarah/mitologi, budaya dan geografi kawasan yang terpilih itu. Nama-nama tempat yang terpilih yang dikaji ini digunakan sehingga kini, adalah berkaitan dengan latar belakang geografi daerah Sik yang diliputi dengan kehijauan hutan, sejarah/mitologi dan juga aktiviti masyarakat persekitaran di kawasan tersebut. Kajian ini perlu diperluaskan lagi ke seluruh tempat dalam daerah Sik kerana masih banyak tempat-tempat di daerah Sik masih belum dikaji asal-usul nama tempat itu. Usaha merakamkan sumber-sumber lisan sangat penting kerana dokumen sejarah akan terus kekal selama-lamanya tetapi mereka yang mengalami peristiwa sejarah tidak akan kekal selama-lamanya.

Penghargaan

Ucapan penghargaan yang mendalam kepada semua pihak yang telah terlibat dalam kajian ini. Tanpa kerjasama, dedikasi, dan sumbangan berharga dari setiap pihak yang terlibat, pihak kami tidak akan dapat mengumpul data dan maklumat untuk kajian ini. Dengan ini, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada: Majlis Daerah Sik: Terima kasih atas kolaborasi dari pihak Majlis Daerah Sik yang turut berperanan dalam memberi idea dan maklumat untuk memperkaya perspektif hasil kajian ini. Penduduk kampung di daerah Sik yang terlibat: Pihak kami menghargai segala informasi yang telah dikongsikan yang diperlukan untuk kajian ini. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah: Penyelidikan ini dibiayai oleh Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM di bawah Skim Geran Penyelidikan Universiti S/O Code: 21402 (Ref: UUM/1/2023). Terima kasih kepada semua pihak yang telah menyediakan sokongan kewangan yang telah memungkinkan kami untuk menjalankan kajian ini dengan lancar dan efektif.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Ahmad, S.S., Abu Bakar, S., Mohammed, S., Mohd Sirat, N.I. (2015): Kisah disebalik asal usul nama kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai. – In ICOMHAC 2015 e-Proceedings 5p.
- [2] Basso, K.H. (1996): *Wisdom sits in places: Landscape and language among the Western Apache*. – University of New Mexico Press 171p.
- [3] Berg, L.D., Vuolteenaho, J. (Eds.) (2009): *Critical toponymies: The contested politics of place naming*. – Ashgate 291p.
- [4] Department of Statistics Malaysia (DOSM) (2026): *Baling kawasanku*. – OpenDOSM 5p.
- [5] Rose-Redwood, R., Alderman, D., Azaryahu, M. (2010): Geographies of toponymic inscription: New directions in critical place-name studies. – *Progress in Human Geography* 34(4): 453-470.
- [6] Sari, L.A. (2019): Asal-usul nama-nama desa di Kecamatan Ngimbang Kabupaten Lamongan: Kajian struktur, fungsi, dan nilai budaya. – *BAPALA: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia* 5(2): 1-12.
- [7] Thompson, P., Bornat, J. (2017): *The voice of the past: Oral history*. – Oxford University Press 484p.
- [8] Tuan, Y.F. (1977): *Space and place: The perspective of experience*. – University of Minnesota Press 248p.
- [9] Vansina, J. (1985): *Oral tradition as history*. – University of Wisconsin Press 256p.
- [10] Zakaraya, S.Z. (2021): Baling, Sik tumpuan pengeluaran lateks utama negara. – *Sinar Harian Web Portal* 17p.